KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD			
TARIKH	:	26/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	2,3 & 4
JABATAN	:	KeTSA/PERHILITAN			



Selamatkan zoo ikonik Malaysia

Zoo Negara yang bakal dibuka 1 Oktober ini perlukan sokongan rakyat

Oleh LIZA MOKHTAR dan NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

KUALA LUMPUR

LAPORAN MUKA DEPAN

LAPORAN KHAS

Dengan lebih 230 juta kes di seluruh dunia tidak dapat disangkal lagi pandemik Covid-19 membawa impak cukup besar bukan sahaja kepada kehidupan manusia, bahkan rantaian kehidupan lain termasuk flora dan fauna.

Di Malaysia, zoo turut menerima tempias apabila terpaksa menutup pintu kepada pengunjung susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bersilih-ganti bermula Mac tahun lalu.

Untuk rekod, sejumlah 183,198 pengunjung melawat Zoo Negara sepanjang tahun 2020 berbanding hanya 64,702 pengunjung pada tahun 2021 berikutan Zoo Negara hanya sempat dibuka pada awal tahun.

Diibaratkan ikon kebangsaan, Zoo Negara yang dibuka pada 14 November 1963 oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman kini berdepan masalah kewangan berikutan tidak dapat menerima kehadiran pengunjung seperti sebelum pandemik.

Menurut Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly @Rahmat Ahmat Lana, Zoo Negara hanya mampu bertahan untuk beberapa bulan lagi dengan dana sedia ada selain mengharap sumbangan orang ramai.

"Berikutan pandemik kami tidak dapat menerima kedatangan pengunjung dan ini bermakna sifar pendapatan untuk Zoo Negara," ujar Rosly kepada *Sinar Premium* baru-baru ini.

Pertahankan legasi

Namun di sebalik cabaran kewangan yang dihadapi, Rosly mengakui tetap optimis legasi Zoo Negara akan dapat dipertahankan demi tatapan generasi akan datang.

Menurut beliau, Zoo Negara masih beruntung kerana selain kerajaan terdapat pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai yang prihatin terhadap nasib haiwan-haiwan di Zoo Negara.

"Sebelum PKP pertama misalnya, Zoo Negara menerima bantuan kewangan dari kerajaan berjumlah RM1 juta manakala sepanjang tahun lalu kira-kira RM11 juta berjaya dikumpul hasil sumbangan orang ramai.

"Selain itu, Zoo Negara turut menerima sumbangan seperti sayur-sayuran, ayam dan ikan daripada pekebun dan penternak yang tidak dapat memasarkan produk mereka ketika PKP," katanya lagi.



Panda gergasi Liang Liang dan Xing Xing merupakan antara tarikan unik di Zoo Negara.



Rosly (kanan) menerima serahan 1.5 tan ayam sejuk beku hasil daripada rampasan oleh pihak Maqis di Pejabat Maqis Kelantan pada Jun lalu.



ROSLY

Kebajikan

Dalam pada itu, selain kebajikan haiwan, kebajikan para petugas Zoo Negara yang menjalankan tugas rutin masing-masing setiap hari juga tidak diabaikan walaupun situasi kewangan tidak begitu memberangsangkan.

"Pembayaran gaji petugas juga tidak banyak terjejas walaupun bayaran kerja lebih masa terpaksa dikurangkan," ujarnya.

Dalam pada itu, demi mengubati kerinduan orang ramai, pihaknya turut menyajikan program ZOOKU at HOME yang membawa 'pengunjung' melawat haiwan di Zoo Negara secara maya.

Kini selepas genap empat bulan ditutup operasi kerana total *lockdown* pada tahun ini, Zoo Negara akan kembali membuka pintunya kepada pengunjung mulai 1 Oktober atau Jumaat ini.

Anak panda ketiga bawa ceria

WALAUPUN suram tanpa kehadiran pengunjung sejak pandemik Covid-19 melanda, keluarga besar Zoo Negara menerima sinar ceria dengan kelahiran anak panda ketiga pasangan panda gergasi, Liang Liang (panda betina) dan Xing Xing pada 31 Mei lalu.

Kelahiran anak panda jantan yang masih belum diberi nama itu bukan sahaja khabar gembira buat Zoo Negara tetapi juga menandakan satu lagi kejayaan di bawah Program Kerjasama Antarabangsa Konservasi Panda Gergasi antara Malaysia dan China yang dimeterai pada tahun 2012.

Untuk rekod, pasangan panda gergasi yang telah berada di Malaysia sejak tahun 2014 itu pernah melahirkan dua anak sebelum ini. Anak pertama Nuan Nuan dan anak kedua, Yi Yi masing-masing lahir pada 18 Ogos 2015 dan 14 Januari 2018.

Ditanya adakah penjagaan panda memberi tekanan kepada situasi kewangan Zoo Negara, Rosly berkata, pihaknya mengambil langkah penjimatan perlu bagi mengurangkan kos mengurus haiwan comel tersebut.

"Kos untuk makanan panda-panda ini sebenarnya tidak terlalu banyak hanya sekitar RM2,000 ke RM3,000 sebulan. Tapi, kos elektrik bagi memastikan keselesaan panda yang menelan belanja puluhan ribu sebulan. Oleh itu, sebagai langkah berjimat, kami tidak memasang pendingin hawa sepenuh masa sekiranya tiada keperluan," kata Rosly.



Foto eksklusif anak panda ketiga yang dilahirkan Liang Liang.

JADUAL WAKTU SOLAT


	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:59	7:08	1:12	4:24	7:14	8:23
ALOR SETAR	5:59	7:05	1:12	4:23	7:14	8:23
PULAU PINANG	5:59	7:06	1:12	4:22	7:14	8:23
IPOH	5:57	7:02	1:10	4:19	7:12	8:21
KOTA BHARU	5:52	7:00	1:05	4:16	7:07	8:12
KUALA TERENGGANU	5:48	6:56	1:01	4:11	7:03	8:12
KUANTAN	5:49	6:57	1:02	4:08	7:04	8:12
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:55	7:01	1:08	4:15	7:10	8:18
SHAH ALAM	5:55	7:00	1:08	4:15	7:10	8:18
SERI EMBAN	5:53	7:00	1:06	4:12	7:08	8:16
BANDAR MELAKA	5:52	7:00	1:05	4:11	7:07	8:16
JOHOR BAHRU	5:46	6:54	12:59	4:03	7:01	8:09

• PENGERUSI, PENGARAH URUSAN DAN PENERBIT: DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HJ YAACUB
• KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GROUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN/KETUA PEGAWAI PENGISIAN: ROZAID RAHMAN
• PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): RUZY ADILA IDRIS • PENGARANG BERITA: ZAMRI RAMBLI, JUNHAIRI ALYASA
• TIMBALAN PENGARANG BERITA: ONG BOON TECK, BADRULDIN ZAKARIA, ZUKI PILEH • KETUA JABATAN IKLAN: AIROL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicetak oleh Ultimate Print Sdn.Bhd. , Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my

Hilang 45 peratus pengunjung

LAPORAN KHAS



Seorang petugas Zoo Taiping memberikan buah betik sebagai salah satu diet kepada gajah di zoo itu.

Zoo Taiping perlukan kos operasi kira-kira RM5 juta setahun

Oleh LIZA MOKHTAR dan NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

TAIPING

LAPORAN MUKA DEPAN

Bergelar zoo awam paling tua di Malaysia, Zoo Taiping yang dibuka pada 1961 dikelilingi alam semula jadi indah berhampiran kaki Bukit Larut. Ia juga merupakan salah satu ikon pelancongan terkenal di negeri Perak.

Sebelum pandemik Covid-19 menyerang, Zoo Taiping menerima kehadiran ratusan ribuan pengunjung domestik dan luar negara yang teruja mahu menyaksikan hampir 150 spesies haiwan di zoo tersebut.

Untuk rekod, antara haiwan yang menjadi tarikan utama di Zoo Taiping ialah Harimau Malaya atau nama saintifiknya, *Panthera Tigris Jacksoni* dan juga Gajah Malaysia serta banyak lagi.

Namun setelah hampir dua tahun melalui pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac tahun lalu, Zoo Taiping masih belum dapat membuka pintu seperti biasa kepada pengunjung.

Menurut Pengarah Zoo Taiping & Night Safari, Dr Kevin Lazarus, walaupun tidak terjejas daripada segi kos operasi, namun ketiadaan pengunjung menjejaskan pendapatan Zoo Taiping.



KEVIN LAZARUS

"Untuk pengetahuan, Zoo Taiping berada di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan terdapat peruntukan khas yang disediakan untuk zoo.

"Jadi kami tidak begitu terjejas daripada segi kos operasi, tetapi dengan ketiadaan pengunjung, pendapatan Zoo Taiping merosot," ujar beliau.

Lazarus berkata, tahun lalu berlaku 45 peratus penurunan jumlah pengunjung ke Zoo Taiping susulan PKP yang membatas pergerakan orang ramai demi menangani pandemik Covid-19.

"Kira-kira 680,000 orang mengunjungi Zoo Taiping pada tahun 2019 dan pengurangan sebanyak 45 peratus bermakna kita hanya menerima kurang 300,000 orang pada tahun lalu," katanya lagi.

Namun, Zoo Taiping masih dikira bernasib baik kerana selain peruntukan sedia ada oleh MPT, ia turut menerima bantuan pelbagai pihak antaranya Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan Jabatan Perhilitan yang memberi sumbangan kerja naik taraf pameran dan kurungan malam, kos makanan, perubatan serta sanitasi.

Malah kerajaan Negeri Perak turut membantu dalam menyediakan Geran Penyelenggaraan Tahunan dan kerja-kerja pembangunan di Zoo Taiping.

"Selain sumbangan wang tunai daripada pelbagai pihak yang prihatin, Zoo Taiping turut menerima sumbangan daging (rampasan) untuk makanan haiwan dari pada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan pasar raya terdekat serta syarikat bekalan ayam (ayam sejuk beku).

"Sumbangan ini pastinya amat membantu pihak Zoo Taiping yang membelanjakan hampir RM150,000 ke RM160,000 sebulan untuk membiaya kos makanan haiwan," katanya sambil menambah kira-kira RM5 juta diperlukan untuk menampung kos operasi Zoo Taiping dalam setahun.

Lima tan makanan sehari

DALAM pada itu, Lazarus berkata, anggaran empat hingga lima tan makanan sehari diperlukan untuk menampung keperluan lebih 1,500 haiwan yang ada di Zoo Taiping.

"Haiwan pemangsa besar (pemakan daging) seperti harimau dan singa serta haiwan herbivor yang makan dalam kuantiti banyak seperti gajah dan badak air menelan belanja yang tinggi.


"Kos makanan untuk haiwan herbivor adalah murah tetapi kuantiti dimakan adalah banyak. Seekor gajah misalnya, makan sekitar 250 - 300 kilogram makanan sehari. Untuk harimau dan singa pula antara lima hingga lapan kilogram daging sehari," katanya lagi.

Sepertimana harapan 32 juta rakyat Malaysia, Lazarus mewakili pengurusan Zoo Taiping turut mengharapkan agar pandemik Covid-19 ini dapat segera ditangani.

"Kita berharap keadaan akan semakin pulih dengan adanya langkah pencegahan seperti program vaksinasi namun pada masa sama kita masih perlu mematuhi segala SOP kesihatan," katanya lagi.

Beliau turut mengharapkan sekiranya keadaan mengizinkan untuk zon pelancongan kembali dibuka orang ramai dapat terus memberi sokongan bukan sahaja kepada Zoo Taiping bahkan zoo lain di Malaysia.

Dengan kelonggaran diberikan oleh pihak kerajaan dalam aktiviti ekonomi dan sosial, Zoo Taiping kini dalam perbincangan untuk mendapat tarikh pembukaan operasi zoo tersebut.



Tiga ekor badak turut menjadi tarikan di Zoo Taiping.



Zoo Taiping yang sunyi tanpa pengunjung selepas terpaksa ditutup operasi buat sementara waktu.

EK ELEH



Puntum, Bayu, Teja anak rimau belang PKP

Baby, tiga ekor anaknya jadi kebanggaan Zoo Taiping

Oleh LIZA MOKHTAR dan NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

TAIPING



LAPORAN MUKA DEPAN

Baby bersama tiga ekor anaknya Puntum, Teja dan Bayu yang dilahirkan sewaktu PKP April tahun lalu.

Pada 12 April tahun lalu, Zoo Taiping menerima kehadiran ahli keluarga baharu dengan kelahiran tiga ekor anak Harimau Belang Malaya diberi nama Puntum (jantan), Bayu dan Teja (betina).

Ketiga-tiga anak Harimau Belang Malaya itu yang kini berusia setahun lima bulan dilahirkan oleh seekor ibu Harimau Belang Malaya dewasa bernama Baby yang turut dilahirkan di zoo sama pada tahun 2009.



MOHAMAD NASRUL

Bagi Mohamad Nasrul Syafiq, penjaga zoo yang bertugas menjaga Harimau Belang Malaya di Zoo Taiping & Night Safari, komitmen tinggi terhadap tugas diperlukan demi memastikan penjagaan haiwan tersebut berada pada tahap terbaik.

Menurutnya, walaupun Zoo Taiping masih ditutup kepada pengunjung, namun semua rutin harian petugas tetap berjalan seperti biasa.

"Setiap pagi saya akan membersihkan kandang dan kawasan sekitar tempat pameran serta memberi makan kepada harimau-harimau ini.

"Saya juga akan membawa keluar harimau dari kandang dan membiarkannya bermain-main di sekitar kawasan pameran walaupun tiada pengunjung untuk melihat aksi mereka," katanya yang telah berkhidmat hampir tiga tahun di zoo terbabit.

LAPORAN KHAS

Tambah anak muda berusia 28 tahun itu, walaupun pendapatan zoo terjejas akibat ketiadaan pengunjung susulan PKP, tiada sebarang kompromi dilakukan dalam bab penjagaan haiwan terutamanya pemakanan.

"Walaupun PKP, setiap haiwan diberi makan mengikut diet pemakanan masing-masing yang telah ditetapkan. Untuk harimau misalnya, setiap seekor diperuntukkan lima kilogram ayam dan tujuh atau lapan kilo daging," katanya.

Untuk rekod, Harimau Belang Malaya merupakan spesies haiwan yang hidup secara bersendirian.

Malangnya, menurut International Union for Conservation of Nature, Harimau Belang Malaya semakin diancam kepupusan akibat pemburuan haram, kehilangan habitat dan pencemaran.

Berdasarkan kaji selidik Harimau Kebangsaan 2016-2020 populasi spesies itu kini kurang daripada 200 ekor.

Diharapkan dengan adanya institusi seperti Zoo Taiping yang menjalankan program konservasi dan pembiakan sasaran populasi 500 ekor dapat direalisasikan.

Rutin tidak berubah walau tiada pengunjung

KUALA LUMPUR - Tempoh 22 tahun bukan satu jangka masa singkat dan selayaknya Ahmad Nizam Zainudin bergelar antara petugas paling berpengalaman di Zoo Negara.

Kerjaya anak kelahiran Butterworth, Pulau Pinang ini di Zoo Negara bermula pada tahun 1999 sebagai *zookeeper* (penjaga zoo) merangkap pembantu veterinar.

Kini setelah lebih dua dekad, Ahmad Nizam menggalas jawatan pembantu kurator, antara tanggungjawab utamanya adalah memastikan panda di Pusat Konservasi Panda Gergasi berada dalam keadaan terbaik.

"Saya dan lima orang anggota pasukan sama-sama bertanggungjawab memastikan panda gergasi di Zoo Negara ini berada dalam keadaan baik.

"Secara ringkas, antara rutin kerja kami termasuklah menjaga aspek pemakanan dan kesihatan panda-panda di sini," ujar lelaki berusia 43 tahun itu.

Tambah Ahmad Nizam, walaupun pada ketika ini Zoo Negara tidak dapat menerima kehadiran, namun rutin para petugas di Zoo Negara tetap berjalan seperti biasa.

Bagaimanapun, jauh di sudut hati Ahmad Nizam mengakui terdapat perbezaan ketara apabila bertugas dalam suasana sepi Zoo Negara tanpa pengunjung.

"Memang terasa perbezaannya. Sebelum pandemik Covid-19, kami petugas-petugas Zoo Negara bekerja sambil berinteraksi dengan para pengunjung tentang haiwan-haiwan yang ada di sini.

"Tetapi sekarang, tiada lagi interaksi seperti itu. Dulu Zoo Negara meriah dengan kehadiran pengunjung yang pelbagai ragam namun kini hanya sunyi sepi," katanya sambil menambah kanak-kanak khususnya harus mengambil berpeluang untuk mengunjungi Zoo Negara kerana ia tempat di mana mereka boleh menimba ilmu.

Ahmad Nizam berharap semua pihak dapat mematuhi SOP dengan baik agar pandemik Covid-19 dapat dikawal termasuk sewaktu Zoo Negara dibuka semula Jumaat ini.



Ahmad Nizam (dua dari kiri) bersama anggota pasukannya yang bertanggungjawab memastikan panda gergasi di Zoo Negara berada dalam keadaan baik.



Ketua Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan MPT, Hanini Ramli bergambar bersama seekor zirafah di Zoo Taiping.

Lawat zoo secara maya makin popular

TAIPING - Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), Khairul Amir Mohamad Zubir, mengakui Zoo Taiping & Night Safari merupakan antara '*anchor product*' atau produk utama sektor pelancongan di negeri Perak yang menggamit kedatangan ratusan ribu pengunjung saban tahun.

"Zoo Taiping & Night Safari dikunjungi kira-kira 700,000 orang pelawat setiap tahun. Namun sejak negara dilanda pandemik Covid-19, pihak zoo perlu mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia agar tidak menerima pelawat sepanjang tempoh PKP.

"Pada tahun 2020, Zoo Taiping & Night Safari hanya dibuka untuk lawatan kurang dari sembilan bulan dan bagi tahun ini, ia hanya dapat dibuka untuk kunjungan pelawat kira-kira tiga bulan sahaja setakat ini," ujar Khairul Amir.



KHAIRUL AMIR

Menyedari orang ramai amat mengambil berat tentang Zoo Taiping & Night Safari serta sentiasa menantikan peluang untuk mengadakan lawatan, pihak zoo menganjurkan sesi lawatan secara maya.

Sejak mengadakan sesi 'pertemuan dan lawatan' secara maya, Zoo Taiping & Night Safari menerima maklum balas amat baik daripada orang ramai kerana berpeluang melihat pelbagai aktiviti di zoo secara lebih dekat.

Kini jumlah pengunjung yang mengikuti lawatan maya semakin meningkat kepada lebih 130,000 '*follower*' di media sosial berbanding hanya 20,000 sebelum ini.